

43 PASANGAN WARGA ATM DIRAIKAN DI MAJLIS PERKAHWINAN PERDANA



airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3181-43-pasangan-warga-atm-diraikan-di-majlis-perkahwinan-perdana

KUALA LUMPUR, 17 Mac 18 – Seramai 43 pasangan raja sehari dari kalangan warga ATM telah diraikan di Majlis Perkahwinan Perdana yang diadakan di Dewan Seroja, Kem Kementah.

Majlis ini merupakan salah satu Program Khidmat Sosial Korporat (CSR) Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) untuk menyumbang bantuan kewangan bagi penganjuran majlis perkahwinan secara berkelompok warga ATM dan staf awam Kementerian Pertahanan. Pihak Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) turut menaja penginapan kepada pasangan pengantin di Hotel Royal Chulan dan Pihak Desatera Sdn. Bhd menaja sajian dan 43 buah kek perkahwinan bagi majlis ini.

Majlis bersejarah ini turut dihadiri Menteri Pertahanan Malaysia, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein dan isteri; Panglima Angkatan Tentera, YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor; Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima-panglima Perkhidmatan, Pegawai-pegawai Kanan ATM, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Desatera Sdn. Bhd, Ahli Parlimen Setiawangsa dan warga awam Kementerian Pertahanan.

Terdahulu, majlis akad nikah telah dijalankan pada 16 Mac oleh 4 jurunikah dari Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) yang diketuai oleh Mej Haji Mohd Nizam bin Dato' Haji Termizi Al-Hafiz. Majlis yang diadakan di Masjid Khalid Al-Walid menyaksikan 28 pasangan pengantin baru telah diijab qabulkan manakala baki 15 pasangan telah dinikahkan lebih awal mengikut qariah masing-masing.





